

Headline  
MediaTitle  
Date  
Section  
Page No  
Language  
Journalist  
Frequency

Tidak cukup wang ke Tanah Suci  
Sinar Harian  
08 Jul 2019  
Nasional  
35  
Malay  
N/A  
Daily

Color  
Circulation  
Readership  
ArticleSize  
AdValue  
PR Value

Full Color  
140,000  
420,000  
143 cm<sup>2</sup>  
RM 3,032  
RM 9,095



## Tidak cukup wang ke Tanah Suci

**TANAH MERAH** - Hasrat seorang warga emas untuk menunaikan haji bersama ibunya, Hazimah Ahmad, 76, mungkin terpaksa dilupakan walaupun terpilih ke Tanah Suci tahun ini menerusi Lem-baga Tabung Haji (TH).

Che Hasnah Ismail, 62, berkata, peluang itu amat dinantikan namun dia kesem-pitan kewangan dan tidak mempunyai perbelanjaan mencukupi kerana tiada sum-ber pendapatan tetap atau wang simpanan.

Menurutnya, kehidupannya hanya bergantung kepada simpati adik-beradik dan ahli

keluarga lain.

"Saya bersyukur dipilih menjadi tetamu ALLAH ta-hun ini, namun keadaan sum-ber kewangan yang tak men-cukupi menyebabkan hasrat saya mungkin terbantut.

"Lagipun, saya tak ada simpanan sendiri dan hanya cukup untuk belanja makan minum. Saya tak mampu tam-pung perbelanjaan di Tanah Suci nanti," katanya.

Che Hasnah berkata, dia berharap ada pihak sudi membantu merealisasikan impiannya dan ibu untuk ke Tanah Suci bagi menunaikan Rukun Islam kelima itu.



Che Hasnah (tengah) berharap supaya hajatnya dan ibu menunaikan haji tahun ini akan tertunai.